



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
01 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Syarat, prosedur tidak ketat | 22 |
| - Hanya 20 taman perumahan dapat kelulusan | 35 |

Utusan Malaysia

- | | |
|---|----|
| - Wujud pasukan khas pantau kualiti jalan | 09 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 01 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Syarat, prosedur tidak ketat
Muka Surat	22

Syarat, prosedur tidak ketat

JH 1/2/18
MYS 22.

TERATAI - Kerjasama antara persatuan penduduk dan Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) perlu ada jika penduduk mahu mewujudkan sistem kawalan keselamatan secara berpagar dan berpengawal.

Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samat berkata, beliau telah menguruskan tiga permohonan untuk pelaksanaan sistem kawalan keselamatan tersebut di

kawasannya.

"Kesemua permohonan tersebut telah lulus, garis panduan sudah ada, mereka boleh terus memohon kepada MPAJ, syarat dan prosedur tidak ketat," katanya.

Mohamad berkata, terdapat segelintir pihak tidak bersetuju dengan pelaksanaan sistem kawalan keselamatan dengan alasan kebebasan

mereka disekat untuk keluar masuk ke kawasan perumahan itu.

"Selain isu halangan, penduduk juga bangkitkan isu bayaran. Masyarakat sudah dibebani dengan pelbagai cukai termasuk GST, mereka merasakan isu keselamatan ini adalah tanggungjawab polis. Penduduk terpaksa bayar lebih untuk hal keselamatan di perumahan mereka," katanya



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 01 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Hanya 20 taman perumahan dapat kelulusan
Muka Surat	35

Hanya 20 taman perumahan dapat kelulusan

SH 1/2/18 MS 35

PANDAN INDAH - Hanya 20 taman perumahan di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sudah mendapat kelulusan bagi pelaksanaan sistem kawalan keselamatan.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, manakala baki 30 daripada 50 perumahan itu didapati melaksanakan sistem kawalan secara berpagar dan berpengawal tanpa kebenaran pihaknya.

Menurutnya, banyak permohonan tidak diluluskan kerana pemohon tidak menepati syarat ditetapkan.

"Kita kerap menerima permohonan daripada persatuan penduduk untuk wujudkan sistem kawalan secara berpagar dan berpengawal.



Kawasan perumahan yang mempunyai sistem kawalan keselamatan.

"Mengikut garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Lembaga Perumahan dan Hartanah, sekurang-kurangnya 75 peratus penduduk

perlu bersetuju wujudkan sistem tersebut," katanya.

Menurutnya, pembangunan perumahan yang mahu mewujudkan sistem kawalan secara berpagar perlu mempunyai kawasan lebih daripada tiga ekar.

"Ia adalah piawaian yang telah ditetapkan. Kita tidak mahu pembangunan perumahan seluas satu ekar pun mahu mewujudkan sistem kawalan itu kerana jumlah rumah yang sedikit, setiap rumah kena bayar yuran yang mahal," katanya.

Abd Hamid berkata, pelaksanaan skim itu perlu mengambil kira beberapa faktor lain termasuk tidak boleh menghalang perjalanan penduduk di kawasan lain atau sekitarnya.

"Jika didapati jalan tersebut dikongsi bersama penduduk dari taman perumahan lain, kita akan lihat kepada kesesuaian. Mereka boleh tutup laluan (boom gates) ke perumahan tersebut hanya dari jam 12 malam hingga 6 pagi," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 01 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Wjud pasukan khas pantau kualiti jalan
Muka Surat	09

4/11/18
m/s 09.



Wujud pasukan khas pantau kualiti jalan

KUALA LUMPUR 31 Jan. - Kontraktor yang diberi kepercayaan melaksanakan sebarang projek berkaitan jalan raya perlu memastikan bahan campuran yang digunakan untuk menurap kembali bahagian yang dikorek itu berkualiti dan memenuhi standard yang ditetapkan.

Tegas Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPJ), Tan Sri Lee Lam Thye, tindakan sambil lewa kontraktor yang tidak mematuhi piawaian merupakan punca utama kepada masalah jalan berlubang dan rosak.

"Punca jalan berlubang kerana kualiti penurapan terlalu rendah dan tidak berkualiti. Itu jalan berlubang ini sudah berlarutan lama dan kerap kali didedahkan *Utusan Malaysia* khususnya di kawasan Lembah Klang.

"Malah sehingga kini, masalah tersebut masih belum dapat diselesaikan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sehubungan itu, Lam Thye mencadangkan agar pihak berkuasa tempatan (PBT) mewujudkan satu pasukan khas yang dikhususkan untuk meronda kawasan sekitar jaja-



LEE LAM THYE

han bagi membolehkan mereka mengenal pasti jalan yang berlubang dan rosak.

Jelas beliau, tindakan itu sekali gus membolehkan pihak PBT mengambil langkah segera mengatasi masalah berkenaan sebelum terjadi insiden yang tidak diingini.

Ujarnya, tugas tersebut juga tidak perlu melibatkan kakitangan yang banyak dan cukup sekadar dua atau tiga anggota sahaja kerana fokus hanya di kawasan jajahan PBT berkenaan sahaja.

Tambahnya, semua pihak perlu bekerjasama dan berazam untuk menangani masalah jalan berlubang sekali gus mengurangkan kadar kemalangan maut di negara ini.

JALAN AU2, Taman Keramat, Kuala Lumpur yang berlubang dan berbahaya kepada penunggang motosikal. - UTUSAN/AIZZUL A. MAJID